

# Kajian Pelaksanaan Terbaik Pensijilan Berkonsepkan Pembelajaran Sepanjang Hayat Melalui Kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu PPT 2018

## Abstrak

Pensijilan melalui kaedah Pengiktirafan Pengalaman Terdahulu (PPT) telah diperkenalkan bermula dari tahun 1996 dan telah menghasilkan lulusan seramai 152,000 orang sehingga 2017 dalam semua bidang. Namun, sehingga kini tiada kajian yang komprehensif telah dijalankan ke atas proses dan pelaksanaan pentauliahan secara PPT. Kajian lepas yang telah dijalankan adalah terhad dari aspek kategori dan saiz sampel, lokasi dan tumpuan kajian. Oleh itu, kajian yang komprehensif diperlukan bagi menjana maklumat yang lebih meyakinkan ke arah penambahbaikan proses sedia ada. Matlamat utama kajian ini adalah untuk mengukur pencapaian objektif pensijilan kaedah PPT melalui kesan pensijilan terhadap pekerja dan majikan; seterusnya menilai proses sedia ada bagi mengenal pasti strategi yang sesuai untuk tujuan penambahbaikan.

Rekabentuk kaedah teradun (*mixed-method*) telah digunakan yang menggabungkan pendekatan secara kuantitatif dan kualitatif bagi mencapai matlamat kajian. Fokus kajian melibatkan tiga sektor yang paling ramai melahirkan lulusan melalui PPT iaitu Pengangkutan, Hospitaliti & Pelancongan dan Perubatan & Farmaseutikal. Kesan pelaksanaan pensijilan melalui kaedah PPT ditentukan berdasarkan data tinjauan kuantitatif yang dikumpul daripada pihak pekerja dan majikan. Manakala, strategi penambahbaikan proses ditentukan berdasarkan dapatan daripada analisis dokumen, lawatan penandaarasan luar negara, tinjauan terhadap pekerja dan majikan serta temubual terhadap 24 orang personel yang terdiri daripada Pegawai Penilai PPT (PP-PPT), Pegawai Pengesah Luaran PPT (PPL-PPT) dan Penyelaras Pusat Bertauliah PPT (Penyelaras PB-PPT). Tinjauan melalui soal selidik melibatkan sampel berjumlah 381 pekerja dan 314 majikan yang diambil daripada tiga sektor tersebut. Penandaarasan luar negara melibatkan 12 institusi dan 19 orang personel di Australia.

Hasil analisis data pekerja menunjukkan pensijilan melalui kaedah PPT memberi kesan yang positif terhadap pekerja dalam pelbagai bentuk seperti kenaikan pangkat, kenaikan gaji dan elaun, perluasan tanggungjawab, serta pemberian ruang kerja yang lebih selesa. Majikan juga menerima kesan positif daripada pelaksanaan pentauliahan secara PPT ini apabila pekerja mereka menjadi lebih berkualiti dari aspek kerja dan keperibadian. Namun, terdapat juga majikan yang menerima kesan negatif daripada pentauliahan secara PPT apabila segelintir pekerja mereka bersikap negatif kerana gagal mencapai sasaran peribadi selepas pentauliahan. Kesan negatif ini telah diperolehi melalui maklumbalas terbuka daripada soal selidik majikan.

Penandaarasan di Australia telah berjaya mengenal pasti beberapa amalan terbaik yang boleh dipertimbangkan dalam usaha menambahbaik proses pensijilan melalui kaedah PPT sedia ada. Antara amalan terbaik tersebut ialah promosi berkala melalui hari terbuka; melaksanakan ujian lisan dalam penilaian; melaksanakan ujian amali terhadap calon yang kurang memuaskan

dalam ujian lisan; mewujudkan laman web jabatan berwajib yang mesra pengguna dan komprehensif termasuk menyediakan maklumat *Industrial Training Package* (setara dengan NOSS) yang diberi secara percuma; dan melaksanakan *skills assessment* terhadap pekerja luar negara yang ingin mendapat permit kerja di industri tertentu.

Temubual dengan PP-PPT, PPL-PPT dan Penyelaras PB-PPT telah berjaya mengenal pasti 15 tema berbangkit berkaitan proses pensijilan melalui kaedah PPT iaitu informasi, integriti dan etika, jurang operasi, kaunseling, kesediaan calon, manfaat PPT, pemantauan, pembiayaan, personel, promosi dan hebahan, proses pentadbiran, rubrik penilaian, sistem sokongan, sokongan majikan dan verifikasi. Gabungan kefahaman yang diperolehi dari analisis terhadap isu-isu berbangkit dan amalan terbaik luar negara telah menjana tiga kategori teras pelaksanaan terbaik iaitu pemantapan kualiti pentadbiran dan pengiktirafan; persediaan calon, personel dan majikan; serta pelaksanaan dan penilaian. Seterusnya, beberapa strategi telah dikenal pasti bagi menangani kelemahan proses sedia ada dengan mengambilkira teras pelaksanaan terbaik dan amalan semasa. Satu model pelaksanaan pensijilan melalui kaedah PPT yang terbaik dan munasabah telah dihasilkan yang merangkumi tiga komponen utama iaitu (i) carta alir proses, (ii) teras pelaksanaan terbaik bersepadu dan (iii) matrik strategi pelaksanaan terbaik.

Carta alir penambahbaikan adalah carta alir proses pelaksanaan sedia ada yang dilengkapi maklumat nod aktiviti yang perlu penambahbaikan. Carta alir tersebut merupakan kerangka asas kepada pelaksanaan proses PPT terbaik dan munasabah. Teras pelaksanaan pula merangkumi elemen-elemen asas yang diperlukan untuk mewujudkan pelaksanaan PPT terbaik dan munasabah. Teras pelaksanaan ini harus diberi perhatian dalam pemilihan strategi yang sesuai. Cadangan strategi telah dikenal pasti dan disenaraikan di dalam matrik strategi yang dibangunkan melalui kaedah membuat-keputusan *Threats-Opportunities-Weaknesses-Strengths* (TOWS). Integrasi dinamik antara ketiga-tiga komponen tersebut boleh mewujudkan satu model pelaksanaan pensijilan melalui kaedah PPT yang terbaik dan munasabah yang mampu memantapkan pelaksanaan proses pensijilan sedia ada.

Rumusan cadangan strategi susulan telah diberikan dalam satu jadual matrik yang mengandungi senarai tindakan berkaitan dengan faktor yang berkaitan dengan penyingkiran, peningkatan, pengurangan dan penciptaan (*Blue Ocean Strategy*). Antara tindakan penyingkiran ialah menghapuskan perbezaan antara sijil yang diperolehi melalui kaedah PPT dengan kaedah pembelajaran formal. Manakala, tindakan peningkatan pula adalah penyebaran informasi mengenai PPT dengan cara yang lebih meluas. Antara tindakan pengurangan ialah mengehadkan keutamaan yang diberi kepada penggunaan penilaian melalui portfolio. Akhir sekali, tindakan penciptaan pula adalah mewujudkan peraturan yang spesifik bagi menangani isu seperti plagiarisme, konflik antara PPL-PPT dengan PP-PPT dan kelemahan dalam proses penilaian sendiri.